



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**PERHUBUNGAN SOSIAL DAN KESAN STIGMA WANITA LEWAT
BERKAHWIN**

**Nur Fazlin Shazana Binti Mohamad Safiai
Kota Samarahan
2008**

**PERHUBUNGAN SOSIAL DAN KESAN STIGMA WANITA LEWAT
BERKAHWIN**

NUR FAZLIN SHAZANA BINTI MOHAMAD SAFIAI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian

Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2008

Projek bertajuk Perhubungan Sosial dan Kesan Stigma Wanita Lewat Berkahwin telah disediakan oleh Nur Fazlin Shazana Bt Mohamad Safiai dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian.

Diterima untuk diperiksa
oleh :

(Puan Nor Hasniah Ibrahim)

Tarikh :

Gred

LAMPIRAN A
BORANG PERSETUJUAN PEMBERITAHUAN



FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
PROGRAM KAUNSELING
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Borang Persetujuan Pemberitahuan

1. Dengan ini saya membenarkan sesi temubual saya dirakamkan secara audio/video.
2. Saya faham dan membenarkan rakaman video dan pemerhatian yang telah dijalankan ini dijadikan sebagai dapatan kepada kajian pengkaji. Ini akan digunakan sebagai data maklumat untuk direkod dan dianalisa bagi melengkapkan kajian Projek Tahun Akhir pengkaji.
3. Segala maklumat peribadi yang dibincangkan akan dirahsiakan oleh pihak pengkaji. Ini bagi menjamin keselesaan dan hak peribadi saya. Walau bagaimanapun, saya akan cuba memberi kerjasama sebaik yang mungkin bagi membantu pengkaji menyiapkan kajian beliau.

Saya faham dan bersetuju secara sepenuhnya. Terima kasih.

NAMA PARTISIPAN : _____

NO. K/P : _____

TANDATANGAN : _____

TARIKH : _____

NAMA PARTISIPAN : _____

NO. K/P : _____

TANDATANGAN : _____

TARIKH : _____

LAMPIRAN B
SURAT PERMOHONAN MENJALANKAN KAJIAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah..bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya, saya dapat menyiapkan Projek Tahun Akhir saya ini dengan sebaiknya.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia yang sangat saya hormati iaitu Puan Nor Hasniah Bt Ibrahim, atas segala tunjuk ajar, bimbingan, teguran dan nasihat kepada saya sepanjang menyiapkan projek kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada penyelia PTA I saya iaitu Puan Jamayah Saili yang banyak membimbing saya sewaktu mula-mula menyiapkan PTA I.

Terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Kaunseling terutamanya barisan pensyarah, kakitangan FSKPM dan rakan sekelas yang banyak membantu dalam memudahkan perjalanan projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada para partisipan yang sudi memberikan kerjasama dengan berkongsi pengalaman suka duka kehidupan bagi membantu saya dalam kajian ini. Segala pengalaman dan ilmu yang saya pelajari sangatlah bermakna kepada diri saya. Kenangan yang ditempuhi akan sentiasa menjadi kenangan manis dalam hidup saya.

Jutaan terima kasih juga kepada kedua ibu dan bapa saya yang sentiasa memberi dorongan dan pembakar semangat kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Berkat doa dan restu mereka, saya berjaya mengharungi segala dugaan dan halangan yang datang.

Akhir kata, setinggi penghargaan kepada semua individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghulurkan bantuan dan tunjuk ajar kepada saya. Jasa kalian tidak akan saya lupakan. Semoga Allah S.W.T akan membalas jasa kalian semua. Semoga segala usaha yang saya lakukan akan mendapat keberkatan dan keredhaan Allah S.W.T. Inshaallah.

Sekian, terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	iv
Jadual Kandungan	v
Senarai Rajah	ix
Senarai Jadual	x
Senarai Lampiran	xii
Abstrak	xiii
<i>Abstract</i>	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Kenyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	7
	1.3.1 Objektif Umum	
	1.3.2 Objektif Khusus	
1.4	Kerangka Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Definisi Istilah	9
	1.6.1 Perhubungan	
	1.6.2 Sosial	
	1.6.3 Stigma	
	1.6.4 Lewat Berkahwin	
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Limitasi Kajian	12
1.9	Kesimpulan	12

BAB 2 SOROTAN KAJIAN TERPILIH

2.0	Pengenalan	13
2.1	Perhubungan Sosial	13
2.2	Stigma	15
2.3	Wanita yang Lewat Berkahwin	17
2.4	Pendekatan Teori	20
	2.4.1 Teori Psikososial Erikson	
	2.4.2 Teori Super	
	2.4.3 Teori Psikoanalisis	
	2.4.4 Konsep Hierarki Keperluan Manusia	
2.5	Kesimpulan	26

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	27
3.1	Reka Bentuk Kajian	27
3.2	Pengumpulan Data	28
3.2	Lokasi Kajian	30
3.3	Persampelan Kajian	30
3.4	Prosedur Kajian	31
3.5	Penganalisan Data	32
3.6	Kesimpulan	34

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	35
4.1	Dapatan Kajian	35
4.2	Latar Belakang Partisipan Kajian	36

4.2.1	Partisipan Pertama	
4.2.2	Partisipan Kedua	
4.2.3	Partisipan Ketiga	
4.3	Analisis Data	39
4.3.1	Perhubungan Sosial	
4.3.1.1	Perhubungan Sosial dengan Keluarga	
4.3.1.2	Perhubungan Sosial dengan Rakan-rakan	
4.3.1.3	Perhubungan dengan Masyarakat Setempat	
4.3.2	Bentuk Stigma yang Diterima	
4.3.2.1	Stigma daripada Ahli Keluarga	
4.3.2.2	Stigma daripada Ahli Bukan Keluarga	
4.3.3	Kesan Stigma yang Diterima	
4.3.3.1	Kesan Positif Stigma yang Diterima	
4.3.3.2	Kesan Negatif Stigma yang Diterima	
4.3.4	Pembinaan Kekuatan Kendiri	
4.3.4.1	Falsafah, Motivasi dan Pegangan Hidup	
4.3.4.2	Maklum Balas Isu Pertambahan Bilangan Wanita	
4.3.4.3	Harapan Kepada Golongan yang Melemparkan Stigma	
4.4	Kesimpulan	66

BAB 5 Rumusan, Implikasi dan Cadangan Kajian

5.0	Pengenalan	67
5.1	Rumusan Keseluruhan Penulisan Kajian	67
5.2	Implikasi Kajian	69
	5.2.1 Implikasi kepada Pengkaji	
	5.2.2 Implikasi kepada Masyarakat	
5.3	Limitasi Kajian	70
5.4	Cadangan	72
	5.4.1 Cadangan kepada Kaunselor dan Pengamal Bimbingan	
	5.4.1 Cadangan kepada Pengkaji akan Datang	
	5.4.2 Cadangan kepada Keluarga	
5.5	Kesimpulan	74
BIBLIOGRAFI		75
LAMPIRAN		80

SENARAI RAJAH

Rajah 1	
Kerangka Kajian	8
Rajah 2	
Hierarki Keperluan Manusia	25

SENARAI JADUAL

Jadual 1	
Peringkat Teori Psikososial Erikson	20
Jadual 2	
Komponen Personaliti Id, Ego dan Superego	22
Jadual 3	
Jenis Mekanisme Bela Diri Ego dalam Teori Psikoanalisis	23
Jadual 4	
Contoh jadual transkripsi data	32
Jadual 5	
Pengkodkan Data	33
Jadual 6	
Perhubungan sosial partisipan dengan keluarganya	40
Jadual 7	
Perhubungan sosial partisipan dengan rakan-rakannya	44
Jadual 8	
Perhubungan sosial partisipan dengan masyarakat setempatnya	47
Jadual 9	
Stigma yang diterima oleh partisipan daripada ahli keluarganya	49
Jadual 10	
Stigma yang diterima oleh partisipan daripada bukan ahli keluarga	51
Jadual 11	
Kesan positif daripada stigma yang diterima oleh partisipan kajian	54
Jadual 12	
Kesan negatif daripada stigma yang diterima oleh partisipan kajian	56
Jadual 13	
Falsafah, Motivasi dan Pegangan Hidup yang dibina oleh partisipan kajian	58

Jadual 14

Maklum balas berkaitan isu pertambahan bilangan wanita 62

Jadual 15

Harapan partisipan kepada golongan yang gemar melemparkan stigma 65
kepada individu lain terutamanya wanita yang lewat berkahwin

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A

Borang Persetujuan Pemberitahuan

Lampiran B

Surat Permohonan Menjalankan Kajian

ABSTRAK

PERHUBUNGAN SOSIAL DAN KESAN STIGMA WANITA YANG LEWAT BERKAHWIN

Nur Fazlin Shazana Binti Mohamad Safiai

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kehidupan wanita yang lewat berkahwin dari segi perhubungan sosial dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat setempat. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk stigma yang sering dialami oleh wanita ini dan seterusnya mengetahui kesan positif dan negatif setelah menerima stigma yang dilemparkan. Pengkaji telah memilih seramai tiga orang wanita yang berumur 35-50 tahun dan masih belum pernah berkahwin sebagai partisipan kajian. Kajian menggunakan kaedah temu bual secara semi-struktur, kaedah pemerhatian melalui jurnal perasaan dan rakaman secara audio bagi mengumpul data. Penganalisan data dibahagikan kepada pembersihan data, memahami data dan penghasilan kategori analitikal dan konsep. Hasil dapatan ini menunjukkan perkembangan perhubungan sosial yang dialami oleh partisipan berada dalam keadaan yang normal walaupun kesibukan kerjaya agak membataskan pergaulan sosial seharian. Terdapat beberapa bentuk stigma yang diterima oleh partisipan berkenaan status lewat berkahwin. Oleh yang demikian, wujudlah kesan positif dan kesan negatif yang agak menyentuh naluri kewanitaan mereka. Walau bagaimanapun, kesemua partisipan mampu membina kekuatan sendiri yang positif agar mereka berjaya meneruskan kehidupan sebagai individu yang berjaya di dunia dan akhirat. Kajian ini turut memberi impikasi yang mendalam terhadap pengkaji dan individu yang terbabit. Diharap tiada lagi stigma yang wujud dalam norma masyarakat di Malaysia.

ABSTRACT

SOCIAL RELATIONS AND EFFECT OF STIGMA FOR UNMARRIED WOMEN

Nur Fazlin Shazana Binti Mohamad Safiai

This research aims to study about unmarried women in terms of social relation among families, friends and the society. Furthermore, this research aims to identify the types of stigma that has been received by the unmarried women as well as the positive and negative effects of it. Three participants between the age of 35 to 50 years old and unmarried were chosen to participate in this research. This research used semi-structured interview, observation by using journal of self reflection and audio recording in collecting the data. Data were analyzed using three processes; which are cleaning, understanding and analyze into sub-concept. The results indicated that the social relations of the unmarried women were in normal condition although their social relations were limited because of the work load in their carriers. In addition, the result of this research illustrated that there are many types of stigma which have been received by the unmarried women. Therefore, the positive and negative effects of it had existed. In spite of it, the participants are able to build their own motivation which had encouraged them to be more successful in their life. The implications and future suggestions of this study were further discussed.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab yang pertama ini berfungsi untuk membicarakan tentang topik dan isu yang dikaji. Antara yang dibicarakan adalah latar belakang kajian, kenyataan masalah, objektif umum dan khusus kajian, model kerangka kajian, definisi istilah secara konseptual dan operasional, persoalan kajian, kepentingan kajian dan limitasi kajian. Subtopik yang dinyatakan ini akan dapat memberi gambaran secara menyeluruh berkenaan intipati kajian yang dijalankan.

Perkahwinan merupakan sesuatu perkara yang akan dialami oleh setiap individu. Walau bagaimanapun masih juga terdapat individu yang berkahwin pada usia yang lewat.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji Barat di sekitar Amerika Syarikat pada tahun 1950, individu yang lewat berkahwin telah mencecah bilangan seramai 42% di sekitar tempat kerja, 40% sebagai pembeli dan pemilik rumah, dan 35% daripada bilangan pengundi di Amerika Syarikat. Ini menunjukkan bahawa bilangan individu dewasa yang belum dan lewat berkahwin akan meningkat dan berpotensi menjadi golongan yang majoriti (Conlin & Hempel, 2003).

Bagi kajian yang telah dilakukan di Malaysia pula, melalui bancian penduduk pada tahun 2000 yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan wanita yang belum berkahwin dalam lingkungan umur 15 dan ke atas adalah seramai 2,397,271 orang. Ia merupakan satu kuantiti yang agak besar. Merujuk kepada laporan daripada Berita Harian, 7 November 2001, berlaku peningkatan kepada peratusan wanita (20 –34 tahun) yang belum berkahwin di antara tahun 1981 – 1991 dan 1991 – 2000. Ini menunjukkan bahawa wanita kini lebih memilih untuk berkahwin pada usia yang lewat. Selain itu, fenomena wanita yang lewat berkahwin ini telah mengundang kepada pelbagai bentuk stigma yang telah memberikan kesan yang positif dan juga negatif kepada wanita yang lewat berkahwin kini.

1.1 Latar Belakang Kajian

Menurut Hoyer & Roodin (2003), terdapat dua jenis perhubungan luar yang dihadapi oleh individu yang dewasa iaitu perhubungan dari segi emosi dan hubungan yang rapat dengan individu yang lain sama ada pasangan hidup dan rakan-rakan di persekitarannya. Ini menunjukkan bahawa seseorang wanita itu akan sentiasa terlibat dengan perhubungan di sekelilingnya dan sentiasa menghadapi perubahan dari semasa ke semasa bergantung kepada pengaruh sosial yang dihadapi.

Menurut Robenstein & Shaver (1981, dalam Hoyer & Roodin, 2003), seseorang yang memilih untuk hidup secara solo tidak akan berasa sunyi berbanding

individu yang memilih untuk hidup bersama pasangan tetapi setelah berkahwin, mereka gemar mengasingkan diri daripada kehidupan sosial. Ini akan mengundang kepada kesunyian yang melampau kerana kurangnya perhubungan sosial yang berlaku. Seseorang itu mempunyai hak masing-masing untuk memilih halatuju hidup masing-masing. Perkara yang tidak boleh dipisahkan antara seorang individu itu adalah perhubungan sosialnya bersama keluarga, rakan-rakan dan masyarakat setempat.

Setiap individu akan melalui kehidupan sosial mengikut peringkat umur masing-masing. Menurut Santrock (2006), manusia akan menempuh beberapa peringkat perkembangan manusia iaitu bayi, awal kanak-kanak, pertengahan kanak-kanak, lewat kanak-kanak, remaja, awal dewasa, pertengahan dewasa dan lewat dewasa. Perkembangan sosial akan sentiasa berubah-ubah mengikut keupayaan diri dan gaya hidup. Perhubungan sosial di kalangan rakan-rakan akan berbeza mengikut perkembangan tahap-tahap pendidikan dan seterusnya dunia kerjaya. Manakala, hubungan dengan ahli keluarga tidak akan banyak berubah kerana ahli keluarga akan sentiasa kekal tetapi yang berubah hanyalah perjalanan perhubungan yang sedia ada. Justeru itu, melalui kajian yang dilakukan ini, perhubungan sosial dibahagikan kepada tiga kategori iaitu perhubungan sosial dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat setempat. Rakan-rakan dapat dikhususkan lagi iaitu rakan sekerja mahupun rakan karib yang bukan sekerja.

Perkahwinan merupakan satu ikatan zahir dan batin antara lelaki dan perempuan dalam sesebuah rumah tangga bagi menyempurnakan keperluan jasmani dan rohani (Mustafa, 1995). Ia sebagai satu pelengkap dalam memenuhi keperluan setiap manusia. Walau bagaimanapun, dari era pasca kemodenan ini, fenomena kahwin lewat tidak asing lagi dalam konteks masyarakat Malaysia khususnya. Terdapat pelbagai kajian yang dilakukan oleh para pengkaji Barat berkaitan dengan kehidupan wanita yang lewat berkahwin. Berdasarkan salah satu rencana yang

dikeluarkan oleh *Bernama.Com* yang bertarikh 25 September 2006, peratusan wanita yang kahwin lewat telah meningkat di kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia (Mohd Fadzli Fadhilah, 2006). Kadar peratusan ini meningkat dari tujuh peratus pada 1970 kepada 27 peratus pada tahun 2000, Myanmar (9% kepada 26%), Cina Singapura (11% kepada 22%), Melayu Singapura (4 % kepada 12%), Cina Malaysia (10% kepada 18%) dan Melayu Malaysia (3% kepada 10%) dalam tempoh yang sama.

Seseorang wanita yang belum lagi mendirikan rumah tangga pada usia yang dikategorikan lewat, wanita ini tidak akan terlepas daripada menerima stigma daripada mereka yang berada di sekelilingnya. Stigma merupakan satu tanggapan atau tafsiran negatif (Hurley-Hanson & Giannantonio, 2006). Stigma tidak lagi menjadi sesuatu yang menghairankan dalam norma masyarakat di Malaysia. Hampir setiap orang pernah mengalaminya. Stigma akan dilemparkan dalam pelbagai bentuk dan diterima oleh pelbagai orang. Pelbagai stigma dilontarkan tanpa mengambil kira faktor emosi dan tekanan kepada penerima stigma tersebut. Stigma berpunca apabila berlakunya sesuatu ciri-ciri, sifat atau perilaku yang bertentangan dengan norma masyarakat. Lazimnya ia bergantung kepada keadaan semasa dan perkembangan masyarakat di tempat yang terbabit. Bagi isu wanita yang lewat berkahwin ini, stigma yang dilemparkan oleh segelintir masyarakat ini telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada individu terbabit sama ada kesan positif mahupun negatif. Dalam pada masa yang sama kesan ini turut memberi gangguan terhadap perhubungan sosial yang dihadapi oleh wanita tersebut.

1.2 Kenyataan Masalah

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada isu kahwin pada usia yang lewat. Antaranya adalah faktor revolusi pendidikan, sibuk dengan bidang kerjaya, ingin menikmati hidup secara berseorangan tanpa kongkongan, tanggungjawab yang tinggi terhadap keluarga, sikap terlalu memilih dan faktor pengalaman hidup yang menyumbang kepada pandangan negatif terhadap perkahwinan (Siti Fatimah, 2007). Menurut Fauziah (1996), isu berkaitan andartu merupakan isu yang turut menyumbang kepada masalah dari segi sosial seperti perhubungan seks yang tidak terkawal. Di samping itu, masalah dari segi ekonomi dan budaya yang tidak sihat turut memberi kesan kepada masyarakat Malaysia secara keseluruhannya.

Berdasarkan bancian yang dijalankan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penduduk wanita Malaysia yang berumur di antara 30-49 tahun semakin meningkat dari tahun 1980 hingga 2006 dari 1,357,700 ke 3,434,000 orang. Bilangan ini sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Ini dapat dikaitkan dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji dengan mengkaji hubungkaitnya dengan pertambahan bilangan wanita yang lewat berkahwin. Selain itu, kajian ini lebih bercorakkan kajian untuk mengetahui dengan lebih mendalam bagaimana perkembangan hubungan sosial wanita ini dalam kehidupan seharian. Ini bagi melihat kadar perubahan yang berlaku dalam statistik yang dinyatakan.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Husaini, Neff, Newbrough & Moore (1982, dalam Clarke & Jensen 1997) mendapati bahawa sokongan sosial kebanyakannya diberikan kepada kaum wanita berbanding dengan lelaki. Dalam kajian ini, sokongan sosial diterima daripada orang di sekelilingnya seperti ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat setempat. Pada masa yang sama, wanita yang lewat berkahwin ini terpaksa menerima stigma daripada segelintir masyarakat yang

kurang berpuas hati terhadap status bujang dan lewat berkahwin mereka. Ini menarik minat pengkaji untuk mengetahui bagaimana kesan stigma terhadap wanita yang lewat berkahwin apabila mereka mempunyai sokongan sosial yang kuat daripada keluarga, rakan-rakan dan masyarakat setempat.

Satu kajian yang dijalankan oleh Nolen-Hoeksema (1990 & 2001, dalam Thayer, Rossy, Ruiz-Padial & Johnsen, 2003), menyatakan bahawa salah satu keputusan yang diperolehi tentang emosi dan tekanan menunjukkan bahawa wanita lebih mudah mengalami ketidakstabilan emosi berbanding lelaki. Wanita akan seterusnya mengalami tekanan dan memproses sesuatu maklumat itu dalam keadaan yang penuh dengan emosi. Kajian lain yang dilakukan oleh Wu & Demaris (1996), mendapati wanita yang lewat berkahwin berisiko mengalami masalah psikologi dan kesihatan fizikal yang lebih tinggi berbanding dengan wanita yang telah berkahwin. Pengkaji ingin melihat kajian ini dari perspektif hubungan sosial dan stigma yang diterima dari individu sekeliling terhadap wanita yang lewat berkahwin ini. Sejauh mana stigma yang diterima ini dapat memberi kesan sama ada positif mahupun negatif kepada wanita yang lewat berkahwin ini. Seterusnya, bagaimana wanita ini dapat membentuk pembinaan sendiri yang positif dalam mengatasi isu yang berkaitan dengan emosi dan tekanan yang dihadapinya.

Kajian berkenaan dengan fenomena wanita yang lewat berkahwin ini jarang dilakukan terutamanya di Malaysia. Kebanyakannya, pengkaji daripada negara-negara luar yang mengupas berkenaan isu ini. Dengan itu, pengkaji ingin mengambil peluang ini untuk melihat perkembangan hubungan sosial wanita yang lewat berkahwin di Pulau Pinang khususnya. Justeru itu, kajian ini secara keseluruhannya ingin mengenalpasti bagaimana perhubungan sosial yang dijalani oleh wanita yang lewat berkahwin dan apakah kesan stigma terhadap individu ini. Selain itu, kajian ini akan menjadi sumber rujukan yang boleh diaplikasikan oleh generasi yang akan

datang dan sebagai pemangkin kepada kajian-kajian yang berkaitan dan memberi manfaat kepada semua pihak.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini terbahagi kepada dua, iaitu objektif umum dan objektif khusus. Kedua-dua objektif ini menerangkan matlamat dan tujuan kajian ini dijalankan. Ini dapat menjelaskan lagi perkara yang ingin dikaji oleh pengkaji.

1.3.1 Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji dengan lebih terperinci perhubungan sosial dan kesan stigma wanita yang lewat berkahwin.

1.3.2 Objektif Khusus

Secara khususnya kajian yang dijalankan ini ialah untuk:

- 1.3.2.1 Mengenal pasti perhubungan sosial yang dilalui oleh wanita yang lewat berkahwin di kalangan ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat setempat.
- 1.3.2.2 Mengenal pasti bentuk stigma yang diterima oleh wanita yang lewat berkahwin.
- 1.3.2.3 Mengenal pasti kesan positif stigma wanita yang lewat berkahwin.
- 1.3.2.4 Mengenal pasti kesan negatif stigma wanita yang lewat berkahwin.
- 1.3.2.5 Mengenal pasti pembinaan kekuatan sendiri wanita yang lewat berkahwin setelah menerima stigma dalam kehidupannya.